

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	9 FEB 2015

# Dedah sukan golf di sekolah

» Lahir lebih ramai pemain tempatan bertaraf dunia: PM

Oleh Petah Wazzan Iskandar  
wazzan@bh.com.my

Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak mahu sukan golf didehkan pada semua peringkat masyarakat, termasuk sekolah bagi melahirkan lebih ramai anak tempatan menjadi juara dunia.

Perdana Menteri berkata, golf tidak seharusnya dilihat sebagai sukan elit tetapi ia seharusnya menjadi sukan rakyat yang boleh diceburi semua pihak.

"Lebih ramai rakyat terutama pelajar perlu diberi peluang untuk menyertai sukan ini, sekali gus melahirkan juara tempatan dan dunia. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Persatuan Golf Malaysia (MGA) kerana memulakan program mempromosikan sukan golf pada peringkat sekolah hingga menarik 11 sekolah untuk menyertainya.

## Promosi sukan golf

"Saya sudah menyumbangkan sebanyak RM2 juta kepada MGA bagi mempromosi sukan golf pada peringkat sekolah dan sedia menambah sumbangan itu pada masa hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian ke-



Najib santai menyaksikan Kejohanan Golf Terbuka Malaysia Maybank (MMO) 2015, di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO OSMAN ADNAN/BH]

tika berucap pada majlis penyerahan hadiah kemenangan Kejohanan Golf Terbuka Malaysia Maybank (MMO) 2015 di Kuala Lumpur Golf & Country Club (KLGCC) di sini, semalam.

Yang hadir sama, Pengerusi Maybank, Tan Sri Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Presiden MGA, Laksamana (B) Tan Sri Mohd Anwar Mohd Nor.

Pemain golf dari India, Anirban Lahiri muncul juara dengan 16 di bawah par 272, mengalahkan pemain Austria, Bernd Wiesberger yang melakkan 15 di bawah par.

Mengulas mengenai kejohanan itu, Najib berkata, kira-kira 450 juta penonton di seluruh dunia menyaksikan kejohanan yang berlangsung sejak Khamis lalu.

**f t**

**Lebih ramai rakyat terutama pelajar perlu diberi peluang untuk menyertai sukan ini sekali gus melahirkan juara tempatan dan dunia"**

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

"Kita (Malaysia) semakin ramai pemain profesional tempatan yang menyertai kejohanan pada peringkat tertinggi dan pembabitannya Maybank selaku penaja utama sejak 10 tahun lalu, harus dipuji.

## Tawar hadiah RM10.8 juta

"Tahun ini, hadiah kejohanan sangat besar (RM10.8 juta) dan berharap pada tahun akan datang hadiahnya lebih besar," katanya.

Najib turut mengucapkan tahniah kepada pemain golf negara, Danny Chia yang muncul pemain terbaik tempatan, dan Gavin Kyle Green yang dinobatkan sebagai pemain terbaik amatir kejohanan itu.